

DATE: / / 2009

UTUSAN MALAYSIA

# Lagu khas mengenang jasa Dr. Mahathir

umf 21/8/2009

KUALA LUMPUR 20 Ogos – Octagon Petroleum Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembekal peralatan minyak, melancarkan sebuah lagu khas bagi mengenang jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pengarah Urusannya, Azdi Abbas berkata, tujuan utama menghasilkan lagu berjudul *Tun Dr. Mahathir* dan pendedaran cakera padat (CD) itu

ialah bagi menyemarakkan budaya menghargai dan memuliakan pemimpin.

“Sehubungan itu, penghasilan lagu dan CD ini bertepatan untuk mengiktiraf jasa dan kepimpinan Tun Dr. Mahathir yang mentadbir negara selama 22 tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran lagu dan CD itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)

di sini semalam.

Majlis pelancarannya disempurnakan Pengarah Pendidikan dan Latihan Mara, Abdul Rahim Hashim.

Sementara itu, penulis lirik lagu *Tun Dr. Mahathir* tersebut, Dr. Nasoha Saabin berkata, karyanya bertujuan meneruskan budaya penghargaan rakyat kepada Dr. Mahathir yang banyak berjasa kepada negara, bangsa dan agama itu.

## Tun Dr. Mahathir

Lahirmu ditakdirkan menjadi  
Negarawan kurniaan Tuhan  
Dikau melalui liku dugaan,  
Dengan tabah penuh kesabaran

Matimu pasti ditangisi  
Setelah kau pergi nilaimu diingati  
Wawasanmu diperjuang hingga mati  
Wawasan suci penuh bererti

Allah memilihmu menerajui negara  
Usaha gigihmu memartabatkan bangsa  
Negara dijulang bagaikan wira  
Di seluruh dunia Malaysia ternama

Usaha gigihmu diteruskan  
Harapan murnimu dinobatkan  
Pendukung wawasanmu maju ke hadapan  
Membawa Malaysia ke mercu kejayaan

(Ulang)

Di hari ini kukirim gurindam  
Sebagai tanda kasih yang mendalam  
Minta maaf perkataan disulam  
Semoga Tun Dr. Mahathir ceria  
Siang dan malam

Komposer: Man Ferow  
Penulis lirik: Dr. Nasoha Saabin